

Bantuan sebenar.

Sekarang.



Bonus Penjimatan Tenaga \$100: Program Mendekati Masyarakat

Sokongan melalui telefon dan bersemuka bagi pemegang kad konsesi untuk memohon Bonus Penjimatan Tenaga \$100 disediakan melalui Program Mendekati Masyarakat.

Bonus Penjimatan Tenaga \$100

Bonus Penjimatan Tenaga ialah bayaran \$100 yang membantu menangani kos sara hidup dan mengurangkan bil tenaga bagi penduduk Victoria yang memerlukan. Isi rumah di Victoria dengan kad konsesi yang layak boleh memohon di laman Victorian Energy Compare – compare.energy.vic.gov.au – untuk memohon dalam talian atau melalui Program Mendekati Masyarakat.

Program Mendekati Masyarakat

Pemegang kad konsesi yang memerlukan bantuan untuk memohon bayaran \$100 tersebut boleh mendapatkan sokongan melalui telefon atau bersemuka melalui Program Mendekati Masyarakat.

Isi rumah yang layak boleh menghubungi 1800 000 832 untuk memohon Bonus Penjimatan Tenaga \$100 mereka melalui telefon atau dihubungkan dengan rakan program mendekati masyarakat di kawasan mereka.

Syarat-syarat Kelayakan

Untuk layak, isi rumah perlu:

- Mempunyai bil elektrik kediaman terbaru
- Memegang salah satu kad konsesi yang berikut:
 - Health Care Card (Kad Penjagaan Kesihatan)
 - Pensioner Concession Card (Kad Konsesi Penerima Pencen)
 - Veterans' Affairs Pensioner Concession Card (Kad Konsesi Hal-hal Penerima Pencen Veteran)
 - Veterans' Affairs Gold Card (Kad Konsesi Emas Hal-hal Veteran).

Hanya satu bayaran bagi setiap isi rumah yang layak.



Untuk memohon Bonus Penjimatan Tenaga \$100, layari compare.energy.vic.gov.au atau mohon melalui telefon atau secara bersemuka melalui Program Mendekati Masyarakat.



Bantuan sebenar. Sekarang.

Bagaimana caranya

1. Periksa sama ada anda layak untuk Bonus Penjimatan Tenaga \$100.
2. Sediakan dokumen berikut:
 - salinan bil elektrik terkini
 - kad konsesi yang layak
 - lesen memandu atau kad Medicare anda*

Anda perlu memberikan maklumat daripada dokumen-dokumen ini untuk mengesahkan identiti dan kelayakan anda.
3. Hubungi salah satu organisasi yang disenaraikan pada halaman ini untuk memohon melalui telefon atau secara bersemuka.
4. Jika permohonan anda diluluskan, kami akan menghantar bayaran \$100 kepada anda.

Kad konsesi yang layak



*Immicard dan Visa Australia juga diterima

Menghadapi kesukaran membayar bil tenaga anda?

Program Bantuan Tenaga ialah suatu perkhidmatan percuma melalui telefon yang dilaksanakan dengan kerjasama Anglicare Victoria yang boleh membantu anda menjimatkan wang pada bil tenaga. Program ini tersedia untuk isi rumah berpendapatan rendah atau warga yang menghadapi masalah membayar bil tenaga.

Program ini boleh memberikan bantuan secara peribadi untuk:

- memohon konsesi dan geran yang layak
- mengakses program-program bantuan kewangan daripada penyedia tenaga anda
- mencari, membanding dan bertukar kepada tawaran tenaga yang lebih baik
- memahami bil tenaga dan membetulkan ralat bil
- menjimatkan tenaga di rumah
- mengakses perkhidmatan seperti kaunseling kewangan

Perlukan bantuan untuk memohon bayaran \$100 anda?

Sokongan melalui telefon

Talian bantuan Victorian Energy Compare – 1800 000 832

Talian bantuan Victorian Energy Compare membantu perniagaan dan isi rumah di Victoria menggunakan laman web Victorian Energy Compare untuk mendapatkan tawaran tenaga terbaik untuk mereka. Talian ini juga menyediakan maklumat dan nasihat tentang Bonus Penjimatan Tenaga \$100, termasuk bantuan langsung untuk isi rumah yang layak untuk memohon melalui telefon.

Sokongan bersemuka

Neighbourhood Houses Victoria – cari pusat yang mengambil bahagian berhampiran anda dengan menghubungi 1800 000 832 atau melayari compare.energy.vic.gov.au/psb-outreach

Neighbourhood Houses merupakan badan-badan berdasarkan komuniti yang diuruskan oleh sukarelawan berdedikasi yang menawarkan aneka aktiviti sosial, pendidikan, rekreasi dan sokongan, untuk warga daripada berbagai peringkat umur, taraf kurang upaya dan latar belakang.



Untuk mendapatkan bantuan membayar bil tenaga anda, hubungi 1800 161 215 Isnin hingga Jumaat 9:00 pagi – 5:00 petang (kecuali cuti umum).

© The State of Victoria Department of Energy, Environment and Climate Action Ogos 2025

ISBN 978-1-76176-528-5 (Print)

ISBN 978-1-76176-529-2 (pdf/online/MS word)

Penafian

Penerbitan ini mungkin dapat membantu anda, namun Negeri Victoria dan kakitangannya tidak menjamin bahawa penerbitan ini bebas daripada sebarang kecacatan atau sesuai sepenuhnya untuk tujuan khusus anda, dan tidak bertanggungjawab atas sebarang ralat, kerugian atau akibat lain yang timbul daripada kebergantungan anda terhadap maklumat dalam penerbitan ini.



Bagi mendapatkan bantuan dalam bahasa selain Inggeris, hubungi Translating and Interpreting Services (TIS) 131 450.

